

13 OCT 2000

Kelantan-Debat

UMNO KELANTAN SAMBUT BAIK DEBAT UMNO DAN PAS

KOTA BAHARU, 13 Okt (Bernama) -- Umno Kelantan menyambut baik debat antara Pergerakan Pemuda Umno dan Dewan Pemuda PAS dalam usaha mencari penyelesaian mengenai isu hak keistimewaan orang Melayu.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Ahmad Rusli Ibrahim berkata debat itu sejajar dengan hasrat Umno untuk melahirkan generasi akan datang yang faham mengenai hak ketuanan Melayu di negara ini.

"Inilah masa yang sesuai debat diadakan memandangkan perbincangan mengenainya (hak keistimewaan orang Melayu) sedang hangat dibincangkan," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Laporan akhbar harian tempatan hari ini juga melaporkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju yang debat antara Pergerakan Pemuda Umno dan Dewan Pemuda PAS perlu diteruskan bagi menjelaskan kekeliruan mengenai Hak Keistimewaan orang Melayu kepada rakyat.

Menurut Ahmad Rusli, PAS harus ikhlas untuk mengadakan debat berkenaan dan bukannya untuk kepentingan peribadi dan parti.

PAS juga mesti bersikap terbuka dan menghindarkan diri daripada sikap ego dengan apa yang dicapai dalam perdebatan itu, katanya.

Ahmad Rusli berkata, bagi Umno "hak keistimewaan orang Melayu" perlu dikekalkan mengikut perlembagaan negara yang menetapkan agar hak itu diberi kepada orang Melayu yang tinggal di negara ini.

"Bagi PAS hak itu tidak diperlukan kerana mereka berpendapat mengikut Islam tidak ada hak istimewa bagi orang Melayu," katanya.

Dalam debat nanti yang tarikh dan waktunya belum ditetapkan lagi, tajuk yang dicadangkan ialah "Hak Istimewa Orang Melayu" yang menumpukan kepada hak-hak istimewa bagi orang Melayu.

-- BERNAMA

MNR PR